

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OGOS 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Kerajaan teruskan pembaharuan dasar

Kerajaan teruskan pembaharuan dasar

Persekitaran ekonomi domestik yang menggalakkan ketika ini dijangka mendorong kerajaan meneruskan inisiatif pembaharuan dasar seperti rasionalisasi subsidi, kata penganalisis.

Ketua Ekonomi CGS International Securities Malaysia, Nazmi Idrus, pihaknya berpandangan berikutan ekonomi domestik yang menggalakkan, inisiatif pembaharuan dasar kerajaan seperti rasionalisasi subsidi akan diteruskan.

Beliau berkata, pihaknya berpendapat, kemajuan berterusan projek infrastruktur berbilang tahun, pelaksanaan projek pemangkin selaras dengan pelan induk negara seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030

(NIMP), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) serta minat yang tinggi terhadap Malaysia sebagai alternatif penajajaran semula rantaian bekalan global harus menggalakkan aktiviti pelaburan.

Katanya, melihat kepada perangkaan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bulanan, pertumbuhan kukuh suku kedua 2024 dirangsang terutamanya oleh pengembangan awal pada April dan Mei, masing-masing sebanyak 6.2 peratus dan 5.9 peratus.

"Kami percaya ekonomi domestik sedang berkembang, seperti yang dibuktikan oleh penambahbaikan dalam penunjuk

makroekonomi, seperti kadar pengangguran, jualan runcit dan kereta, pertumbuhan import untuk penggunaan dan barangan modal, berpotensi berikutan kapasiti perbelanjaan yang lebih tinggi.

"Justeru, disebabkan oleh ekonomi domestik yang menggalakkan, inisiatif pembaharuan dasar kerajaan (seperti rasionalisasi subsidi) akan diteruskan, pada pandangan kami," katanya dalam nota penyelidikannya.

Nazmi berkata, pemulihan dalam permintaan luar telah membantu pengembangan ekonomi berikutan pertumbuhan eksport suku kedua 2024 sebanyak 5.8 peratus.

Beliau berkata, pihaknya men-

jangkakan eksport Malaysia akan meningkat secara progresif untuk baki selanjutnya bagi 2024 di tengah-tengah keadaan perdagangan antarabangsa yang lebih baik dan permintaan baik untuk elektrik dan elektronik (E&E).

"Sementara permintaan meningkat secara global, kemungkinan pertikaian perdagangan, seperti antara Amerika Syarikat (AS) dan China, mungkin meningkatkan kemungkinan gangguan perdagangan.

"Kami fikir masih terlalu awal untuk menentukan sama ada konflik ini akan memberi kesan yang baik kepada mana-mana ekonomi serantau. Kami mengekalkan unjuran KDNK 2024 pada 5.2 peratus," katanya.